

26 OCT 2001

Khalil-Media

MEDIA TEMPATAN DIGESA BENTUK SALURAN PEMBERITAAN ANTARABANGSA

KUALA LUMPUR, 26 Okt (Bernama) -- Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob hari ini menggesa pengamal media tempatan supaya memberi pertimbangan serius terhadap saranan penubuhan sebuah saluran pemberitaan antarabangsa yang memaparkan perkembangan dunia daripada perspektif tempatan.

Beliau berkata perkara itu adalah suatu yang perlu bagi mengimbangi laporan media asing yang digambar berasaskan perspektif Barat di samping memastikan kepentingan masyarakat tempatan dalam perkembangan semasa dunia, turut diambilkira.

"Aliran pemberitaan media Barat sudah semestinya digubal menerusi perspektif mereka dan sudah tentunya mereka tidak akan mewakili kepentingan kita.

"Justeru itu tidak hairanlah kalau mereka sentiasa salah lapor mengenai kita dan negara-negara yang bukan Barat," katanya dalam ucapan pada majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) dan Measat Broadcast Network Systems Sdn Bhd, di sini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh timbalannya Datuk Mohamed Khalid Yunus.

Khalil berkata sehingga kini media tempatan masih bergantung kepada media asing sebagai sumber berita-berita antarabangsa walaupun Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahukan media memberi gambaran sebenar tentang sesuatu isu, pernah membangkitkan perkara itu.

Oleh itu masanya sudah tiba untuk industri media tempatan mengorak langkah merealisasikan cadangan berkenaan memandangkan Malaysia juga mempunyai kepakaran yang mencukupi.

Malah, katanya, Malaysia juga boleh menggabungkan kepakaran sedia ada dengan negara-negara lain seperti negara-negara Arab dan negara dunia ketiga yang lain.

"Disebabkan Malaysia kini dihormati sebagai negara pertama di dunia ketiga, maka adalah lebih baik kalau kita mulakan secara serius cadangan ini dan menetapkan bahawa Kuala Lumpur adalah pusat berita saluran berita ini," katanya.

MoU itu, yang ditandatangani Pengurus Besar Bernama Syed Jamil Jaafar dan Pengarah Measat Datuk Badri Masri, merupakan suatu usahasama Bernama dan stesen TV satelit Astro milik Measat untuk menyiarkan buletin kepada pelanggan Astro.

Menurut perjanjian itu, Bernama menerusi Unit Perkhidmatan Berita Audio Visual akan membekalkan berita dalam tiga bahasa -- Bahasa Malaysia, Mandarin dan Tamil -- selama 15 minit untuk setiap bahasa menerusi Astro Ria, AEC dan Vaanavil setiap hari.

Buletin Astro/Bernama ini akan dilancarkan secara berperingkat-peringkat, dengan Buletin Bahasa Malaysia dan Bahasa Tamil, mula disiarkan pada 14 Nov depan.

Buletin Bahasa Malaysia akan ke udara pada pukul 11 malam dan ulangannya pukul 6 pagi keesokannya manakala Buletin Tamil pada pukul 8.30 malam dan ulangannya pada pukul 7 pagi keesokannya.

Buletin Mandarin akan mula disiarkan pada 15 Dis, pukul 10.30 malam dan ulangannya pada 7 pagi esoknya.

-- BERNAMA

NM AFY RON

